



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 127

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Sebagaimana pada 7 Julai 2024

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Tarikh Persetujuan Diraja	8 Mac 1974
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	14 Mac 1974
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1712 yang mula berkuat kuasa pada	7 Julai 2024

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1995

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 127

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai
4. Penubuhan Majlis Kualiti Alam Sekeliling
5. Tempoh jawatan dan kelayakan untuk dilantik semula
6. Hilang kelayakan, meletakkan jawatan dan mengosongkan jawatan
7. Memanggil mesyuarat, kuorum, pengundian, acara dan minit
8. Pegawai yang menguruskan mesyuarat Majlis
9. Saraan

BAHAGIAN III

LESEN

10. Pihak berkuasa pelesen
11. Lesen
12. Kuasa untuk mengenakan syarat-syarat kepada lesen

Seksyen

13. Tempoh dan pembaharuan lesen
14. Pemindahmilikan lesen
15. Daftar lesen
16. Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen
17. Bayaran lesen

BAHAGIAN IV

LARANGAN DAN KAWALAN MENGENAI PENCEMARAN

18. Premis ditetapkan hendaklah dilesen
19. Larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan
20. Kehendak dan kelulusan pelan
21. Kuasa untuk menentukan syarat-syarat pengeluaran, pelepasan, dsb.
22. Sekatan mengenai pencemaran udara
23. Sekatan mengenai pencemaran bunyi bising
24. Sekatan mengenai pencemaran tanah-tanah
25. Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan
26. (*Dipotong*)
27. Melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang
28. Pembelaan khas
29. Melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia dilarang
- 29A. Larangan atas pembakaran terbuka
- 29AA. (*Dipotong*)
- 29B. Pemunya atau penduduk premis bertanggungjawab bagi pembakaran terbuka
- 29C. Pembelaan
 30. Kuasa untuk melarang penggunaan apa-apa bahan atau kelengkapan
- 30A. Kuasa untuk mengawal penggunaan benda dan keluaran dan menyatakan pelabelan alam sekeliling
- 30B. Kuasa untuk menyatakan kaedah-kaedah mengenai skim deposit dan rebat

Seksyen

- 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.
- 31A. Perintah larangan, dsb.
- 32. Pemunya atau penduduk hendaklah menyenggara dan mengendalikan kelengkapan
- 33. Kuasa bagi melarang atau mengawal orang-orang yang dilesen daripada melepaskan dsb., buangan-buangan dalam hal-hal tertentu
- 33A. Audit alam sekeliling
- 34. Pengecualian
- 34A. Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan
- 34AA. Perintah larangan bagi aktiviti yang ditetapkan

BAHAGIAN IVA

KAWALAN BUANGAN TERJADUAL

- 34B. Larangan terhadap penempatan, peletakan, dsb. buangan terjadual

BAHAGIAN V

RAYUAN DAN LEMBAGA RAYUAN

- 35. Rayuan
- 36. Lembaga Rayuan

BAHAGIAN VA

PEMBAYARAN SES DAN KUMPULAN WANG
ALAM SEKELILING

- 36A. Ses penyelidikan
- 36B. Penubuhan Kumpulan Wang Alam Sekeliling
- 36C. Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling
- 36D. Caruman ke dalam Kumpulan Wang
- 36E. Pemakaian Kumpulan Wang

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Seksyen

37. Pemunya atau penduduk hendaklah memberi maklumat
- 37A. Kuasa penyiasatan
- 37B. Kad kuasa
- 37C. Kuasa penangkapan
38. Kuasa untuk menahan, menaiki, menggeledah, dsb.
- 38A. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes
- 38AA. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
- 38AB. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
39. Penyampaian notis
40. Keterangan
41. Penalti yang tidak diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan
42. Percubaan dan persubahatan
43. Kesalahan-kesalahan oleh kumpulan-kumpulan orang dan oleh penjawat-penjawat dan ejen-ejen
44. Pendakwaan
45. Mengkompaun kesalahan-kesalahan
46. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa
- 46A. Kuasa menyita kenderaan atau kapal
- 46B. Pelucuthakan kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita
- 46BA. Senarai kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita
- 46BB. Pelepasan buku, rekod, komputer, dsb., yang disita
- 46BC. Kos memegang kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita
- 46C. (*Dipotong*)
- 46D. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
- 46E. Pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta
47. Kuasa bagi menuntut kos dan perbelanjaan
48. Kuasa untuk menahan dan menjual kenderaan atau kapal
- 48A. Kuasa menguji dan melarang penggunaan kenderaan

Seksyen

- 48AA. Akses kepada data berkomputer
- 48AB. Anggaran
- 48AC. Kuasa tambahan
- 48AD. Menghalang penggeledahan
- 48AE. Pencantuman kesalahan
- 48B. Bantuan
- 49. Perwakilan
- 49A. Orang yang berwibawa
- 49B. Ganjaran kepada pemberi maklumat
- 50. Perahsiaan
- 50A. Perlindungan pemberi maklumat
- 51. Peraturan-peraturan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 127

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Suatu Akta berhubungan dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

[15 April 1975, P.U. (B) 113/1975]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan untuk mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini dan boleh menguatkuasakan kesemua atau mana-mana peruntukan-peruntukan dalamnya itu sama ada di seluruh Malaysia yang baginya dipakai pemberitahuan itu atau di kawasan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“alam sekeliling” ertinya faktor-faktor fizikal bagi kawasan di sekeliling manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi bagi binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan dan faktor-faktor sosial estetika;

“audit alam sekeliling” ertinya penilaian berkala, sistematik, didokumenkan dan penilaian objektif untuk menentukan—

- (a) status pematuhan kepada kehendak pengawalan alam sekeliling;
- (b) sistem pengurusan alam sekeliling; dan
- (c) risiko alam sekeliling secara keseluruhan bagi premis;

“barang-barang” termasuklah benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar dan buangan;

“benda berbahaya kepada alam sekeliling” ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, termasuklah apa-apa bahan mentah, sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap, atau dalam campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau apa-apa organisma hidup yang dicadangkan bagi apa-apa perlindungan, pemeliharaan dan aktiviti kawalan, yang boleh menyebabkan pencemaran;

“boleh dipraktikkan” ertinya boleh dipraktikkan dengan munasabah memandang, antara lain, kepada keadaan dan hal-hal tempatan dan kepada keadaan semasa pengetahuan teknikal dan istilah “cara boleh dipraktikkan” termasuklah mengadakan dan menyenggara loji dengan cekap dan menggunakan loji itu dengan sepatutnya dan penyeliaan oleh atau bagi pihak penduduk akan sesuatu proses atau kendalian;

“buangan” termasuklah apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual, atau apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal,

separuh pepejal, atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dalam alam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran;

“buangan terjadual” ertinya apa-apa buangan yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan sebagai buangan terjadual;

“campuran mengandungi minyak” ertinya sesuatu campuran dengan apa-apa kandungan minyak yang ditentukan oleh Menteri atau, jika kandungan minyak itu tidak ditentukan, sesuatu campuran dengan kandungan minyak sebanyak satu ratus bahagian atau lebih dalam satu juta bahagian campuran itu;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau diteruskan oleh Akta ini;

“dokumen” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, pada apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau alat, dengan menggunakan—

- (a) apa-apa huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain;
- (b) suatu rakaman visual (sama ada apa-apa imej kaku atau bergerak);
- (c) suatu rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain, atau oleh apa-apa bunyi, tekanan elektronik atau data lain; atau
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, atas suatu jarak apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c), atau dalam perenggan ini;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah seksyen 36C;

“kapal” termasuklah tiap-tiap jenis vesel atau perahu atau binaan terapung;

“kegunaan berfaedah” ertinya sesuatu kegunaan alam sekeliling atau apa-apa unsur atau segmen alam sekeliling yang bermanfaat kepada kesihatan, kebajikan atau keselamatan awam dan yang memerlukan perlindungan daripada kesan-kesan buangan-buangan, lepasan-lepasan, keluaran-keluaran dan letakan-letakan;

“kelengkapan kawalan” termasuklah—

- (a) apa-apa perkakas untuk memungut buangan-buangan;
- (b) apa-apa alat automatik yang digunakan untuk membolehkan sesuatu kelengkapan dikendalikan dengan lebih cekap;
- (c) apa-apa alat untuk menunjuk atau merekod pencemaran atau untuk memberi amaran mengenai pencemaran yang berlebih-lebihan; dan
- (d) apa-apa alat atau kemudahan lain yang digunakan bagi maksud menghadkan pencemaran;

“keluaran yang ditetapkan” ertinya apa-apa keluaran yang ditetapkan oleh Menteri di bawah perenggan 30A(1)(b);

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang berupaya bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi mengangkut orang atau benda dan yang sentiasa bersentuhan dengan permukaan bumi semasa bergerak;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang disebutkan dalam seksyen 3;

“komputer” ertinya apa-apa alat, yang dikenalpasti dengan nama atau perihalan apa pun, bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih; dan, jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau

lebih sebagai kombinasi, disatukan, atau berturutan, komputer itu hendaklah dikira sebagai satu komputer;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah seksyen 36B;

“loji perindustrian” ertinya sesuatu loji yang digunakan untuk menjana kuasa atau untuk apa-apa kegunaan perindustrian atau untuk mengendalikan kapal, kapal korek, lokomotif, kren atau lain-lain mesin;

“Majlis” ertinya Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi perlindungan alam sekeliling;

“minyak” ertinya—

- (a) minyak mentah, minyak disel, minyak bahan api dan minyak pelincir; dan
- (b) apa-apa lain jenis minyak yang ditetapkan oleh Menteri;

“orang yang berwibawa” ertinya orang yang berwibawa untuk menjalankan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 49A;

“orang yang layak” ertinya seseorang yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan audit alam sekeliling dan penilaian kesan kepada alam sekeliling, dan untuk mengemukakan laporan mengenainya;

“pembakaran terbuka” ertinya apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong;

“pembawa yang ditetapkan” ertinya kenderaan atau kapal yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 18 sebagai pembawa yang ditetapkan;

“pemunya” berhubung dengan—

(a) mana-mana premis, ertinya—

- (i) tuan punya berdaftar premis itu;
- (ii) pemegang pajak bagi sesuatu pajakan termasuklah suatu pajakan kecil premis itu, sama ada didaftarkan atau tidak;
- (iii) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) takrif ini atau jika pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) itu tidak dapat dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah di sisi undang-undang; atau
- (iv) orang yang pada masa itu menerima sewa premis itu sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa jika premis itu disewakan kepada seorang penyewa;

(b) sesuatu kapal, ertinya—

- (i) orang yang didaftarkan sebagai pemunya kapal itu;
- (ii) jika tiada pendaftaran, orang yang mempunyai kapal itu;
- (iii) dalam hal kapal yang dipunyai oleh mana-mana negeri dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang berdaftar dalam negeri itu sebagai pengendali kapal, “pemunya” hendaklah termasuk negeri itu; atau

- (iv) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i), (ii) dan (iii), atau jika pemunya yang diperihalkan dalam subperenggan (i) dan (ii) itu tidak dapat dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah di sisi undang-undang;
- (c) mana-mana kenderaan atau pesawat udara, ertinya orang yang berdaftar sebagai pemunya kenderaan atau pesawat udara itu;

“pencemar” ertinya apa-apa benda semulajadi atau buatan, sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap, atau campuran sekurang-kurangnya dua daripada benda ini, atau bau-bau busuk atau bunyi bising atau haba yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan atau yang berkemungkinan dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan daripada mana-mana sumber yang boleh secara langsung atau tidak langsung menyebabkan pencemaran dan termasuk apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling;

“pencemaran” ertinya suatu perbuatan atau proses, sama ada semula jadi atau buatan, yang menyebabkan kemasukan apa-apa bahan cemar ke dalam alam sekeliling dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 21;

“penduduk” ertinya seseorang yang menduduki atau mengawal—

- (a) mana-mana premis; atau
- (b) berhubungan dengan premis yang bahagian yang berlainan diduduki oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masingnya menduduki atau mengawal setiap bahagian itu; atau
- (c) apa-apa kenderaan, kapal atau pesawat udara;

“perairan daratan” ertinya apa-apa takungan, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, atau mana-mana

bahagian laut di atas tikas air rendah di sepanjang pantai, atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau subpermukaan air;

“perairan wilayah” ertinya “laut wilayah” dan hendaklah ditafsirkan tertakluk pada peruntukan *Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*];

“pesawat udara” termasuklah apa-apa jenis kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang atau barang-barang melalui udara;

“pihak berkuasa tempatan” termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada atau dikenakan ke atas pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“premis” termasuklah mesuaj, bangunan, tanah, dan hereditamen tiap-tiap pemegangan dan apa-apa jentera atau loji;

“premis ditetapkan” ertinya sesuatu premis yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 18;

“program pengawasan” ertinya segala tindakan yang diambil dan segala kelengkapan yang digunakan bagi maksud mengesan atau mengukur dari segi kuantiti atau kualiti adanya, jumlah atau aras apa-apa benda, ciri atau kesan;

“rancangan fizikal” ertinya—

- (i) rancangan fizikal negara di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];
- (ii) rancangan fizikal yang meliputi Sabah di bawah Ordinan Perancangan Bandar dan Desa [*Sabah Bab 141*];

*CATATAN—Apa-apa sebutan yang dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis, perkiraan atau surat cara yang lain mengenai “perairan wilayah” hendaklah setakat yang sebutan itu menyentuh undang-undang persekutuan bererti “laut wilayah” dan hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada peruntukan Akta ini—lihat seksyen 6 Akta Laut Wilayah 2012 [*Akta 750*].

- (iii) rancangan fizikal yang meliputi Sarawak di bawah Kanun Tanah Sarawak [*Bab 81*];

“rancangan pemajuan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

“risiko alam sekeliling” ertinya apa-apa risiko, bahaya atau kemungkinan akibat buruk yang boleh terjadi pada alam sekeliling;

“segmen” berhubungan dengan alam sekeliling ertinya mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian alam sekeliling yang dinyatakan mengikut ukuran isipadu, ruangan, keluasan, kuantiti, kualiti atau masa atau apa-apa campurannya;

“sistem pengurusan alam sekeliling” ertinya sistem yang terdiri daripada suatu struktur organisasi dengan tanggungjawab, amalan, prosedur, proses dan sumbernya bagi melaksanakan dan menyenggara sistem yang berhubungan dengan alam sekeliling;

“tanah-tanah” termasuklah tanah, pasir, batu-batan, syal, galian dan tumbuh-tumbuhan dalam tanah-tanah;

“transit” ertinya laluan berterusan dari satu sempadan ke sempadan lain melalui wilayah dan perairan Malaysia tanpa simpanan;

“tred” ertinya apa-apa tred, urusan atau pengusahaan sama ada biasanya dijalankan di premis yang tetap atau di berbagai-bagai tempat yang mengakibatkan pelepasan buangan-buangan dan termasuklah apa-apa aktiviti yang ditetapkan sebagai suatu tred, urusan atau pengusahaan bagi maksud-maksud Akta ini;

“unsur” berhubungan dengan alam sekeliling ertinya mana-mana daripada bahagian-bahagian jujuk utama alam sekeliling, termasuk air, udara, tanah-tanah, tumbuh-tumbuhan, iklim, bunyi, bau, estetika, ikan dan hidupan liar.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai

3. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang dilantik oleh Menteri antara anggota-anggota perkhidmatan awam dan yang kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya ialah—

- (a) mentadbirkan Akta ini dan apa-apa peraturan dan perintah yang dibuat di bawahnya;
- (b) bertanggungjawab atas dan menyelaraskan segala aktiviti berhubung dengan pelepasan buangan-buangan ke alam sekeliling dan bagi mencegah atau mengawal pencemaran dan melindungi dan membaiki kualiti alam sekeliling;
- (c) mengesyorkan kepada Menteri dasar perlindungan alam sekeliling dan pengkelasan-pengkelasan bagi perlindungan mana-mana bahagian alam sekeliling atau mana-mana segmen alam sekeliling berkenaan dengan kegunaan-kegunaan dan nilai-nilai, sama ada zahir atau tak zahir, yang hendak dipelihara, kualiti yang hendak disenggara, takat pelepasan buangan-buangan boleh dibenarkan tanpa memudaratkan kualiti alam sekeliling, kegunaan dan rancangan kemajuan jangka panjang dan apa-apa faktor lain berhubung dengan perlindungan dan pembaikan alam sekeliling;
- (d) mengawal, dengan mengeluarkan lesen, isipadu, jenis-jenis, jujuk-jujuk dan kesan-kesan buangan-buangan, lelasan-lelasan, keluaran-keluaran, letakan-letakan atau lain-lain punca keluaran dan benda-benda yang merbahaya atau yang mungkin merbahaya kepada kualiti alam sekeliling atau mana-mana segmen alam sekeliling;
- (e) menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan tentang sebab-sebab, jenis, takat pencemaran dan tentang cara-cara

mencegah pencemaran dan membantu dan bekerjasama dengan lain-lain orang atau badan yang menjalankan pemeriksaan atau penyiasatan yang seumpamanya;

- (f) menjalan, memajukan dan menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya dan mengadakan kriteria bagi perlindungan dan pembaikan alam sekeliling;
- (g) mengesyorkan kepada Menteri standard-standard dan kriteria bagi perlindungan kegunaan-kegunaan berfaedah dan penyenggaraan kualiti alam sekeliling dengan memandang kepada kebolehan alam sekeliling itu menyerap buangan tanpa memudaratkan kualitinya dan lain-lain ciri-cirinya;
- (h) memilih mana-mana orang atau badan untuk menjadi panel-panel pakar, yang difikirkannya berkebolehan untuk membantunya berhubung dengan masalah-masalah khas;
- (i) menyiarkan suatu laporan tahunan mengenai kualiti alam sekeliling tidak lewat dari 30hb September dalam tahun yang berikutnya dan apa-apa laporan dan maklumat lain berkenaan dengan apa-apa aspek perlindungan alam sekeliling;
- (j) menentukan cara-cara yang hendak dipakai bagi mengambil contoh-contoh dan membuat ujian-ujian bagi maksud Akta ini;
- (k) menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan pemeriksaan-pemeriksaan bagi memastikan pematuhan terhadap Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan menyiasat pengaduan-pengaduan berhubung dengan pelanggaran-pelanggaran terhadap Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (l) memberi maklumat dan pendidikan kepada orang awam berkenaan dengan perlindungan dan pembaikan alam sekeliling;
- (ll) untuk mentadbir Kumpulan Wang;
- (m) mengadakan dan menyenggara perhubungan dan kerjasama dengan setiap Pihak Berkuasa Negeri dalam Malaysia dan dengan negeri-negeri lain berkenaan dengan perlindungan alam sekeliling, pengawalan pencemaran dan pengurusan buangan-buangan;
- (n) membuat laporan kepada Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan perlindungan dan pembaikan alam sekeliling dan mengenai apa-apa pindaan yang difikirkannya berfaedah kepada mana-mana undang-undang berkenaan dengan pencemaran dan alam sekeliling dan mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada Menteri;
- (o) memajukan, menggalak, menyelaras dan menjalankan rancangan dalam pengurusan alam sekeliling, pengurusan buangan-buangan dan pengawalan pencemaran; dan
- (p) menentukan pakaian seragam bagi pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2).

(2) Maka hendaklah ada beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dan beberapa orang pegawai lain sebagaimana yang perlu dan mustahak yang dilantik oleh Menteri antara anggota-anggota perkhidmatan awam bagi mentadbirkan Akta ini dengan sempurna.

(3) Menteri boleh memberi kepada Ketua Pengarah arahan-arahan jenis am yang tidak berlawanan dengan Akta ini tentang penjalanan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Ketua Pengarah di bawah Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa arahan yang diberi sedemikian.

(4) Melainkan jika dikecualikan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang Timbalan Ketua Pengarah dan seseorang pegawai lain boleh menjalankan mana-mana kuasa, kewajipan dan tugas Ketua Pengarah di bawah Akta ini.

Penubuhan Majlis Kualiti Alam Sekeliling

4. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan bagi maksud Akta ini suatu badan bernama Majlis Kualiti Alam Sekeliling dan tugas-tugasnya ialah—

- (a) pada amnya menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara berhubung dengan Akta ini; dan
- (b) menasihatkan Menteri mengenai apa-apa perkara yang dirujuk kepada Menteri.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar;
- (c) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi;
- (d) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri;
- (e) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;
- (f) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani;

- (g) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;
- (h) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- (i) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perumahan dan kerajaan tempatan;
- (j) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi tenaga, teknologi hijau dan air;
- (k) seorang wakil Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;
- (l) seorang anggota bagi masing-masing Sabah dan Sarawak, yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak;
- (m) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan orang yang terlibat dalam industri petroleum;
- (n) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada pencalonan oleh industri kelapa sawit;
- (o) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada pencalonan oleh Persekutuan Pengilang Malaysia atau mana-mana orang yang terlibat dalam pembuatan;
- (p) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada pencalonan oleh industri getah;
- (q) seorang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan kakitangan akademik institusi pengajian tinggi; dan
- (r) dua orang anggota yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan organisasi bukan kerajaan yang aktif

dalam menggalakkan dan mempertingkatkan kualiti alam sekeliling.

(3) Menteri boleh, mengenai setiap seorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (2)(l), (m), (n), (o), (p), (q) dan (r), melantik seorang untuk menjadi seorang ahli gilir bagi menghadiri sebagai ganti ahli itu mesyuarat-mesyuarat Majlis jika ahli itu tidak dapat hadir oleh kerana sesuatu sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis, seseorang ahli gilir hendaklah disifatkan sebagai ahli Majlis bagi segala maksud.

(5) Seseorang ahli gilir hendaklah berhenti menjadi ahli gilir apabila ahli yang mengenainya dia menjadi ahli gilir itu berhenti menjadi ahli Majlis, melainkan jika ahli gilir itu meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu.

Tempoh jawatan dan kelayakan untuk dilantik semula

5. Tiap-tiap ahli Majlis yang dilantik hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun melainkan jika dia meletakkan jawatannya atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu dan adalah layak untuk dilantik semula.

Hilang kelayakan, meletakkan jawatan dan mengosongkan jawatan

6. (1) Orang-orang yang berikut adalah hilang kelayakan daripada dilantik atau daripada menjadi ahli Majlis:

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau pun tidak berupaya menjalankan kewajipan- kewajibannya;
- (b) seseorang yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan berkenaan dengan tipuan, kecurangan atau keburukan akhlak; dan

- (c) seseorang yang bankrap atau yang telah membuat sesuatu perkiraan dengan pemiutang-pemiutang.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila dia mati;
- (b) apabila dia meletakkan jawatan;
- (c) apabila dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Menteri; atau
- (d) jika dia hilang kelayakan di bawah subseksyen (1),

dan seorang ahli baharu hendaklah dilantik menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.

Memanggil mesyuarat, kuorum, pengundian, acara dan minit

7. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap empat bulan dalam setahun dan hendaklah, sebagai tambahan, bermesyuarat sebagaimana dan apabila dipanggil oleh Pengerusi.

(2) Lapan orang ahli adalah menjadi kuorum dalam sesuatu mesyuarat Majlis.

(3) Jika mengenai sesuatu soal yang hendak diputuskan oleh Majlis bilangan undi didapati sama banyaknya, Pengerusi atau jika Pengerusi tidak hadir ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu adalah berhak memberi suatu undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(4) Tertakluk pada Akta ini, Majlis hendaklah menetapkan acaranya sendiri.

(5) Minit hendaklah disimpan mengenai segala mesyuarat Majlis dan salinan-salinannya hendaklah dihantar kepada Menteri.

(6) Menteri boleh menjemput atau meminta seorang, yang bukan anggota Majlis, untuk menghadiri apa-apa mesyuarat Majlis bagi maksud menasihatinya mengenai perkara yang dibincangkan tetapi orang yang hadir sedemikian itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

Pegawai yang mempengerusikan mesyuarat Majlis

8. (1) Pengerusi Majlis hendaklah mempengerusikan segala mesyuarat Majlis.

(2) Jika, oleh kerana tidak hadir atau tidak berupaya bertugas oleh sebab sakit atau oleh apa-apa sebab lain, Pengerusi Majlis tidak berupaya mempengerusikan sesuatu mesyuarat maka ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang dari antara mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan dalam sesuatu mesyuarat Majlis semasa Pengerusi tidak hadir sehingga seorang ahli telah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Saraan

9. Tiap-tiap ahli yang dilantik boleh dibayar sejumlah wang yang ditetapkan oleh Menteri kerana menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis.

BAHAGIAN III

LESEN

Pihak berkuasa pelesen

10. Ketua Pengarah hendaklah menjadi pihak berkuasa pelesen.

Lesen

11. (1) Sesuatu permohonan untuk sesuatu lesen atau untuk membaharui atau memindah milik sesuatu lesen hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan melainkan jika Ketua Pengarah membenarkan pembayaran dibuat secara ansuran.

(2) Seseorang pemohon untuk suatu lesen atau untuk membaharui atau memindah milik suatu lesen hendaklah memberi secara bertulis atau dengan cara lain apa-apa maklumat yang difikirkan perlu dan berkaitan dengan permohonan itu oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah—

- (a) boleh meluluskan sesuatu permohonan untuk suatu lesen atau untuk membaharui atau memindah milik suatu lesen, sama ada tertakluk pada syarat-syarat atau dengan tak bersyarat dan jika sesuatu permohonan diluluskan tertakluk pada syarat-syarat, maka syarat-syarat itu hendaklah dinyatakan dalam lesen yang dimaksudkan oleh permohonan itu;
- (b) boleh dalam masa berkuatkuasanya sesuatu lesen membatalkan atau mengubah sesuatu syarat yang dikenakan kepada lesen itu atau mengenakan syarat-syarat baharu kepadanya sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai menggantikan syarat-syarat yang sedia ada dan hendaklah memberitahu pemegang lesen itu tentang tindakannya bagi maksud itu; atau
- (c) tidak boleh meluluskan sesuatu permohonan untuk suatu lesen berkenaan dengan sesuatu premis yang penggunaannya sebagai demikian akan melanggar sesuatu skim rancangan bandar, atau mana-mana undang-undang berhubung dengan penggunaan atau kemajuan tanah.

(4) Sebelum mengubah sesuatu syarat yang dikenakan kepada lesen atau sebelum mengenakan syarat-syarat baharu kepada lesen, Ketua Pengarah hendaklah mempertimbangkan—

- (a) sama ada memadankan kelengkapan, kelengkapan kawalan atau loji perindustrian yang sedia ada bagi mematuhi syarat yang diubah atau yang baharu akan boleh dipraktikkan;
- (b) lamanya kelengkapan, kelengkapan kawalan atau loji perindustrian yang sedia ada boleh dipakai secara ekonomi, dengan memandang kepada tarikh ianya dibeli;
- (c) kuantiti atau takat susutan keluaran, lepasan atau letakan buangan-buangan yang akan dicapai dengan syarat yang diubah atau yang baharu itu;
- (d) kos yang dianggarkan yang akan dilakukan oleh pemegang lesen bagi mematuhi syarat yang diubah atau yang baharu itu; dan
- (e) jenis dan besarnya tred, proses atau perindustrian yang sedang dijalankan dalam premis itu.

(5) Dalam sesuatu hal yang baginya dipakai perenggan (3)(c), permohonan untuk lesen hendaklah disifatkan sebagai diputuskan dengan muktamad dengan keengganan meluluskan permohonan itu, atau jika suatu rayuan dibuat terhadap keengganan itu, apabila keputusan dibuat mengenai rayuan itu.

Kuasa untuk mengenakan syarat-syarat kepada lesen

12. (1) Tanpa menyentuh keluasan seksyen 11, sesuatu syarat yang dikenakan kepada sesuatu lesen oleh Ketua Pengarah—

- (a) boleh menghendaki pemegang lesen itu—
 - (i) membaiki, mengubah atau mengganti sesuatu kelengkapan dalam atau pada mana-mana premis yang dinyatakan dalam lesen itu;
 - (ii) memasang dan mengendalikan kelengkapan kawalan dalam atau pada mana-mana premis yang dinyatakan

dalam lesen itu;

- (iii) membaiki, mengubah atau menggantikan sesuatu kelengkapan kawalan yang dipasang dalam atau pada mana-mana premis yang dinyatakan dalam lesen itu;
 - (iv) menjalankan, atas perbelanjaannya sendiri, sesuatu program pengawasan yang direka bentuk untuk memberi maklumat kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan ciri-ciri, kuantiti atau kesan-kesan keluaran, lepasan, atau letakan yang berkenaan dengannya lesen itu dikeluarkan, dan maklumat yang direkodkan oleh program itu hendaklah diberi kepada Ketua Pengarah pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau
 - (v) menjalankan mana-mana daripada kehendak-kehendak yang ditanggungkan ke atasnya di bawah peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam perenggan ini dalam tempoh yang dinyatakan dalam syarat-syarat itu; atau
- (b) boleh melarang pemegang lesen itu daripada mengubah atau mengganti sesuatu kelengkapan kawalan yang dipasang dalam atau pada mana-mana premis yang dinyatakan dalam lesen itu kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

(2) Jika sesuatu hak untuk merayu diberi di bawah Akta ini terhadap keputusan Ketua Pengarah mengenakan sesuatu syarat kepada sesuatu lesen, apa-apa syarat yang dikenakan sedemikian tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa sehingga telah tamat masa yang dihadkan untuk merayu terhadap syarat itu dan, jika sesuatu rayuan terhadap syarat itu telah dibuat dengan sempurnanya di bawah Akta ini, sehingga pembicaraan rayuan itu mengesahkan keputusan Ketua Pengarah mengenakan syarat itu.

Tempoh dan pembaharuan lesen

13. (1) Sesuatu lesen hendaklah tetap berkuat kuasa selama tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan melainkan jika selainnya dinyatakan dalam lesen itu atau dalam mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan di bawah ini.

(2) Pemegang sesuatu lesen yang hendak mendapatkan pembaharuan lesennya hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Pengarah dalam bentuk yang ditetapkan untuk pembaharuan lesen itu pada bila-bila masa tidak kurang daripada tiga bulan dan tidak lebih daripada empat bulan sebelum tarikh tamatnya tempoh lesen itu atau tamatnya tempoh pembaharuan yang masih lagi ada bagi lesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Seseorang yang tidak memohon pembaharuan dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (2) hendaklah membayar suatu bayaran lewat sebanyak satu peratus daripada bayaran lesen itu atau sepuluh ringgit, mengikut mana yang lebih besar, bagi tiap-tiap satu hari kelewatan.

(4) Jika sesuatu permohonan untuk pembaharuan dibuat selepas tamatnya tempoh lesen itu, Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui lesen itu atau boleh memperbaharuinya tertakluk pada pengenaan sesuatu bayaran tamat tempoh sebanyak tidak melebihi lima ratus peratus daripada bayaran lesen itu atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana yang lebih besar.

(5) Jika sesuatu permohonan dibuat melalui pos, tarikh pada cap pos di sampulnya hendaklah disifatkan sebagai tarikh permohonan itu telah dibuat dan mengenai perkara-perkara dalam mana Ketua Pengarah tidak dapat menentukan tarikh pada cap pos itu, maka permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat tiga hari sebelum tarikh permohonan itu telah diterima oleh Ketua Pengarah.

Pemindahmilikan lesen

14. Jika pemegang sesuatu lesen tidak lagi menjadi penduduk premis yang dinyatakan dalam lesen itu penduduk premis itu boleh membuat permohonan dalam bentuk yang ditetapkan, disertai dengan bayaran yang ditetapkan, kepada Ketua Pengarah supaya diluluskan pemindahmilikan lesen mengenai premis itu kepadanya.

Daftar lesen

15. Maka hendaklah disimpan apa-apa daftar lesen sebagaimana yang ditetapkan.

Pemegang lesen hendaklah mematuhi lesen

16. (1) Pemegang sesuatu lesen hendaklah mematuhi had-had dan syarat-syarat lesen itu dalam tiap-tiap hal.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya patuh kepada terma atau syarat yang dinyatakan dalamnya itu.

Bayaran lesen

17. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menetapkan bayaran yang kena dibayar berkenaan dengan sesuatu lesen, sesuatu pemindahmilikan atau pembaharuannya.

(2) Bayaran-bayaran yang berlainan boleh ditetapkan mengikut mana-mana satu atau lebih daripada faktor-faktor yang berikut:

- (a) kelas premis;
- (b) tempat letaknya premis itu;
- (c) kuantiti buangan-buangan yang dilepaskan;
- (d) pencemar atau kelas pencemar-pencemar yang dilepaskan;
- (e) aras yang sedia ada bagi pencemaran.

(3) Jika atas sesuatu pemeriksaan adalah dipastikan bahawa pencemar-pencemar atau kelas pencemar-pencemar yang dilepas, dikeluarkan atau diletakkan adalah berlainan daripada yang dinyatakan oleh penduduk dalam permohonannya untuk lesen atau pembaharuan lesen atau kuantiti buangan-buangan yang dilepas, dikeluarkan atau diletakkan adalah lebih besar daripada yang dinyatakan oleh penduduk dalam permohonannya untuk lesen atau pembaharuan lesen, Ketua Pengarah boleh menuntut apa-apa bayaran yang mungkin telah kena dibayar berkenaan dengan pencemar atau kelas pencemar atau kuantiti lepasan, keluaran atau letakan yang berlebihan itu.

(4) Pada mengira bayaran yang kena dibayar di bawah subseksyen (3), penduduk itu hendaklah disifatkan sebagai telah melepas, mengeluarkan atau meletakkan pencemar atau kelas pencemar atau kuantiti buangan itu selama tempoh enam bulan sebelum pemeriksaan itu atau, jika permohonan untuk lesen atau pembaharuan lesen telah dibuat kurang daripada enam bulan sebelum pemeriksaan itu, selama tempoh yang bermula daripada permohonan hingga ke pemeriksaan itu.

(5) Tiada apa-apa bayaran tambahan kena dibayar di bawah subseksyen (3) dan (4) jika jumlah wang tambahan yang kena dibayar itu adalah kurang daripada sepuluh peratus daripada bayaran yang dibayar oleh penduduk dalam tempoh yang bersamaan.

BAHAGIAN IV

LARANGAN DAN KAWALAN MENGENAI PENCEMARAN

Premis ditetapkan hendaklah dilesen

18. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan premis (kemudian daripada ini disebut premis ditetapkan) yang pendudukan atau penggunaannya oleh seseorang adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini melainkan jika orang itu adalah pemegang sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis itu.

(1A) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan kenderaan atau kapal yang digunakan bagi pergerakan, pemindahan, penempatan atau peletakan buangan (selepas ini disebut pembawa yang ditetapkan) yang penggunaannya oleh mana-mana orang, melainkan jika orang itu adalah pemegang bagi lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan pembawa yang ditetapkan itu, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidak dipakai bagi seseorang—

- (a) yang pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini adalah penduduk premis ditetapkan dan dalam tempoh yang ditetapkan selepas tarikh itu, dia membuat permohonan untuk suatu lesen berkenaan dengan premis ditetapkan itu;
- (b) yang menjadi penduduk sesuatu premis ditetapkan berikutan dengan sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri dari semasa ke semasa meminda sesuatu perintah yang dahulu yang dibuat di bawah seksyen ini dengan mana premis yang dahulunya bukan premis ditetapkan itu menjadi premis ditetapkan, dan dalam tempoh yang ditetapkan, selepas perintah itu disiarkan dalam *Warta*, dia membuat permohonan untuk suatu lesen berkenaan dengan premis ditetapkan itu;

- (c) yang telah membuat permohonan supaya dipindah milik kepadanya suatu lesen berkenaan dengan sesuatu premis ditetapkan dan permohonan itu telah dibuat olehnya dalam tempoh yang ditetapkan selepas dia menjadi penduduk premis ditetapkan itu,

sehingga permohonannya telah diputuskan dengan muktamad.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (1A) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

Larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan

19. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menjalankan apa-apa kerja pada sesuatu kenderaan atau kapal, atau premis yang akan menyebabkan kenderaan atau kapal, atau premis untuk menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (b) membina di atas mana-mana tanah sesuatu bangunan yang direka bentuk untuk atau digunakan bagi sesuatu maksud yang akan menyebabkan tanah atau bangunan itu menjadi premis ditetapkan,

tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

Kehendak dan kelulusan pelan

20. (1) Tiap-tiap permohonan untuk menjalankan apa-apa kerja, bangunan, binaan atau perubahan yang dinyatakan dalam seksyen 19 hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah dan hendaklah disertai dengan—

- (a) pelan-pelan dan penentuan-penentuan bagi kerja, bangunan, binaan atau perubahan yang dicadangkan itu bersama dengan butir-butir mengenai kelengkapan kawalan, jika ada, yang hendak dipasang;
- (b) suatu pelan susun atur menunjukkan tapak bina bagi kerja, bangunan, binaan atau perubahan yang dicadangkan itu yang akan dilaksanakan berhubungan dengan kawasan-kawasan di sekelilingnya;
- (c) butir-butir mengenai tred, perindustrian atau proses yang dicadang hendak dijalankan dalam premis itu;
- (d) perihal jujuk-jujuk dan ciri-ciri buangan; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah,

dan pemohon hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu sama ada tertakluk pada syarat-syarat atau dengan tidak bersyarat dan boleh

menghendaki pemegang lesen itu mengadakan dan menanggung kos bagi kelengkapan kawalan dan kos bagi sesuatu program pengawasan yang memuaskan:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu permohonan boleh diluluskan melainkan jika pemohon telah mendapat kelulusan rancangan daripada pihak berkuasa perancang yang layak.

Kuasa untuk menentukan syarat-syarat pengeluaran, pelepasan, dsb.

21. Menteri selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui peraturan-peraturan menentukan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau peletakan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan atau pengeluaran bunyi bising ke dalam sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling dan boleh menguntukkan sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling ke dalam mana pengeluaran, pelepasan atau peletakan itu adalah dilarang atau disekat.

Sekatan mengenai pencemaran udara

22. (1) Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh mengeluarkan atau melepaskan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam udara dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Tanpa menghadkan keluasan subseksyen (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai mengeluarkan atau melepaskan buangan-buangan ke dalam udara jika—

- (a) dia meletakkan apa-apa benda di suatu tempat di mana benda itu boleh dilepaskan ke dalam udara;
- (b) dia menyebabkan atau membenarkan dilepaskan bau-bau yang, oleh sebab keadaan, kepekatan, isi padu atau takatnya, adalah mencela atau mengganggu;

- (c) dia membakar apa-apa buangan tred, proses atau perindustrian; atau
- (d) dia menggunakan apa-apa kelengkapan membakar bahan api yang tidak dilengkapi dengan sesuatu alat atau kelengkapan kawalan yang dikehendaki dipasang pada kelengkapan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendaknya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

Sekatan mengenai pencemaran bunyi bising

23. (1) Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh mengeluarkan atau menyebabkan atau membenarkan dikeluarkan apa-apa bunyi bising yang lebih kuat bahana, keamatan atau kualitinya dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendaknya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

Sekatan mengenai pencemaran tanah-tanah

24. (1) Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh mencemar atau menyebabkan atau membenarkan dicemarkan mana-mana tanah-tanah atau permukaan mana-mana tanah dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Walau apa pun keluasan subseksyen (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai mencemarkan sesuatu tanah-tanah atau permukaan sesuatu tanah jika—

- (a) dia meletakkan apa-apa benda sama ada cecair, pepejal atau gas di dalam atau di atas mana-mana tanah-tanah atau di sesuatu tempat di mana benda itu boleh masuk ke dalam mana-mana tanah-tanah; atau
- (b) dia mengadakan di atas mana-mana tanah suatu tempat melonggok sampah-sarap, tempat membuang kotoran, tempat membuang tanah-tanah dan batu-batan, tempat meletakkan enap cemar, lobang pancitan buangan atau dengan cara lain menggunakan tanah untuk tempat melupuskan atau tempat melonggok buangan pepejal atau cecair sehingga mencela atau mengganggu manusia atau mengganggu air di bawah tanah atau menjadi mudarat kepada apa-apa kegunaan berfaedah akan tanah-tanah atau permukaan tanah itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

Sekatan mengenai pencemaran perairan daratan

25. (1) Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh mengeluarkan, melepas atau meletakkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ke dalam mana-mana perairan daratan dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Tanpa menghadkan keluasan subseksyen (1) seseorang hendaklah disifatkan sebagai mengeluarkan, melepas atau meletakkan buangan-buangan ke dalam perairan daratan jika—

- (a) dia meletakkan apa-apa buangan di dalam atau di atas mana-mana perairan atau di sesuatu tempat di mana buangan itu boleh masuk ke dalam mana-mana perairan;
- (b) dia meletakkan apa-apa buangan dalam sesuatu keadaan di mana buangan itu jatuh, turun, mengalir, sejat, dihanyutkan, ditiup atau meresap atau mungkin jatuh, turun, mengalir, sejat atau dihanyutkan, ditiup atau meresap ke dalam mana-mana perairan, atau dengan diketahuinya atau oleh sebab kecuaiannya, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, menyebabkan atau membenarkan apa-apa buangan diletakkan dalam sesuatu keadaan seperti itu; atau
- (c) dia menyebabkan suhu perairan yang menerimanya itu naik atau turun sebanyak lebih daripada had yang ditetapkan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

26. (*Dipotong oleh Akta A636*).

Melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang

27. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika dia telah diberi lesen, melepaskan atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran yang mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pembelaan khas

28. Jika seseorang dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 maka adalah menjadi suatu pembelaan baginya membuktikan bahawa pelepasan atau penumpahan itu adalah—

- (a) bagi maksud menjamin keselamatan vesel;
- (b) bagi maksud menyelamatkan nyawa manusia;
- (c) akibat kerosakan kepada vesel dan bahawa segala langkah yang munasabah telah diambil untuk mengelak, mengheniti atau mengurangkan pertumpahan itu;
- (d) akibat sesuatu kebocoran, yang bukan disebabkan oleh tidak adanya kecermatan, dan bahawa segala langkah yang munasabah telah diambil untuk mengheniti atau mengurangkan kebocoran itu;
- (e) akibat sesuatu pengaliran yang disebabkan oleh kerja pembersihan minyak, dan bahawa segala langkah yang munasabah telah diambil untuk menghapuskan minyak itu dari pengaliran itu dan bahawa melupuskan pengaliran itu dengan apa-apa cara yang lain daripada melepas atau

menumpukannya ke dalam perairan Malaysia tidak boleh dipraktikkan dengan munasabah.

Melepaskan buangan ke dalam perairan Malaysia dilarang

29. (1) Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh melepaskan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan ke dalam perairan Malaysia dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah seksyen 21.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Larangan atas pembakaran terbuka

29A. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, tiada seorang pun boleh melakukan, membenarkan, mengarahkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis.

(2) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengisytiharkan bahawa apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan bagi maksud apa-apa aktiviti yang ditentukan dalam perintah itu bukan pembakaran terbuka sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta ini selagi aktiviti itu dijalankan mengikut atau di bawah syarat-syarat yang dinyatakan dalam perintah itu dan tidak di dalam tempat atau kawasan yang ditentukan dalam perintah itu.

(3) Walaupun apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan tidak termasuk dalam takrif pembakaran terbuka di bawah subseksyen (2) atau bahawa ia adalah bagi maksud apa-apa aktiviti yang ditentukan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2), Menteri, dalam hal keadaan yang dia menganggap bahawa—

- (a) kualiti udara di dalam kawasan itu telah mencapai tahap yang tidak sihat; dan
- (b) kebakaran, pembakaran atau pembaraan bagi maksud apa-apa aktiviti selain aktiviti yang ditentukan dalam perintah itu akan membahayakan alam sekeliling,

boleh mengarahkan Ketua Pengarah mengeluarkan perintah larangan dalam suatu tempoh yang ditentukan dengan apa-apa cara dan mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(4) Ketua Pengarah boleh membatalkan perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (3) dengan apa-apa cara atau mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang difikirkannya suai manfaat.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendaknya menghentikan perbuatan yang dinyatakan dalamnya itu.

29AA. *(Dipotong oleh Akta A1712).*

Pemunya atau penduduk premis bertanggungjawab bagi pembakaran terbuka

29B. Jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis—

- (a) pemunya; atau
- (b) penduduk,

premis itu yang mempunyai kawalan atas premis itu adalah disifatkan telah melanggar subseksyen 29A(1) melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Pembelaan

29C. Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen 29A atau 29B, adalah menjadi pembelaan jika orang, pemunya atau penduduk premis itu membuktikan—

- (a) bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pembiaran atau persetujuannya; atau
- (b) bahawa dia—
 - (i) mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah; atau
 - (ii) menjalankan segala usaha yang wajar,

untuk mencegah pelakuan kesalahan yang sepatutnya diambil dan dilaksanakan olehnya dengan mengambil kira jenis tanggungjawabnya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

Kuasa untuk melarang penggunaan apa-apa bahan atau kelengkapan

30. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *warta*—

- (a) melarang penggunaan apa-apa bahan untuk apa-apa proses, tred atau perindustrian;
- (b) melarang sama ada mengikut perihal atau mengikut jenama penggunaan apa-apa kelengkapan atau loji perindustrian,

dalam kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa untuk mengawal penggunaan benda dan keluaran dan menyatakan pelabelan alam sekeliling

30A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) menetapkan apa-apa benda sebagai benda berbahaya kepada alam sekeliling yang menghendaki benda itu dikurangkan, dikitar, didapatkan atau dikawal mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu; dan
- (b) menetapkan apa-apa keluaran sebagai keluaran yang ditetapkan untuk jualan dan bahawa keluaran itu hendaklah mengandungi peratusan minimum benda-benda yang dikitar dan mempunyai kenyataan yang sesuai tentang jujuk dikitar, kaedah pengilangan dan pelupusannya.

(2) Mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menyatakan kaedah-kaedah tentang penggunaan, reka bentuk dan pemakaian label yang berkaitan dengan penjualan benda atau keluaran yang diperakukan sebagai tidak memudaratkan alam sekeliling.

(3) Mana-mana orang yang tidak atau enggan mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk menyatakan kaedah-kaedah mengenai skim deposit dan rebat

30B. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menyatakan garis panduan dan prosedur mengenai skim deposit dan rebat berhubungan dengan pelupusan keluaran yang dianggap—

- (a) memudaratkan alam sekeliling; atau
- (b) menyebabkan kekangan bertentangan terhadap alam sekeliling,

bagi maksud memungut keluaran itu dengan berkesan bagi memastikan kitaran atau pelupusan keluaran itu dibuat dengan cara yang baik kepada alam sekeliling.

Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

31. (1) Jika mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau daripada mana-mana pesawat udara, Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk kenderaan, kapal atau premis, atau pesawat udara itu, untuk—

- (a) memasang dan mengendalikan apa-apa kelengkapan kawalan atau kelengkapan kawalan tambahan;
- (b) membaiki, mengubah atau mengganti apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan;
- (c) mendirikan atau meninggikan lagi apa-apa cerobong;
- (d) mengukur, mengambil sampel, menganalisa, merekod dan melaporkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar, buangan, pengaliran atau keluaran yang mengandungi pencemar;
- (e) menjalankan suatu kajian ke atas apa-apa risiko alam sekeliling;

- (f) memasang, menyenggara dan mengendalikan suatu program pengawasan atas perbelanjaan pemunya atau penduduk; atau
- (g) mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran,

dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain yang berlawanan, Ketua Pengarah boleh melalui notis mengarahkan pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, atau premis, atau pesawat udara untuk mengeluarkan, melepaskan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan pada waktu siang yang ditentukannya dan boleh secara amnya mengarahkan cara yang baginya pemunya atau penduduk itu hendaklah menjalankan tred, industri atau proses atau mengendalikan apa-apa kelengkapan, loji perindustrian atau kelengkapan kawalan di dalamnya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2) kepadanya.

Perintah larangan, dsb.

31A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menyatakan hal keadaan yang Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah larangan kepada pemunya atau penduduk mana-mana loji perindustrian atau proses perindustrian untuk mencegah pengendaliannya yang berterusan dan pelepasan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau

buangan sama ada secara mutlak atau bersyarat, atau bagi apa-apa tempoh yang diarahkannya, atau sehingga kehendak pemulihan yang diarahkannya telah dipatuhi.

(2) Menteri, dalam hal keadaan yang dia menganggap bahawa alam sekeliling, kesihatan awam atau keselamatan awam adalah atau berkemungkinan terancam dengan serius, boleh mengarahkan Ketua Pengarah—

- (a) mengeluarkan suatu perintah yang menghendaki seseorang itu untuk memberhentikan segala perbuatan yang mengakibatkan pelepasan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan; dan
- (b) menyebabkan dan menjadikan apa-apa jentera, kelengkapan, loji atau proses orang itu tak boleh beroperasi.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perintah larangan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit.

Pemunya atau penduduk hendaklah menyenggara dan mengendalikan kelengkapan

32. (1) Pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau pesawat udara hendaklah menyenggara apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan yang dipasang pada kenderaan, kapal atau premis itu, atau pesawat udara itu dalam keadaan yang baik dan hendaklah mengendalikan kelengkapan itu atau kelengkapan kawalan itu dengan cara yang patut dan cekap.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang

daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya mengambil tindakan sebagaimana yang dinyatakan dalamnya itu.

Kuasa bagi melarang atau mengawal orang-orang yang dilesen daripada melepaskan dsb. buangan-buangan dalam hal-hal tertentu

33. (1) Jika beberapa orang dilesen di bawah Akta ini untuk mengeluarkan, melepas atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan ke dalam segmen atau unsur alam sekeliling yang sama dan Ketua Pengarah berpendapat bahawa setiap seorang daripada orang-orang itu adalah mematuhi syarat-syarat lesennya tetapi walaupun demikian kesan kolektif bagi kesemua buangan itu mungkin menyebabkan bertambah buruknya keadaan dalam segmen atau unsur alam sekeliling itu hingga menyentuh kesihatan, kebajikan atau keselamatan manusia atau hingga mengancam kehidupan mana-mana binatang, burung, hidupan liar, ikan atau lain-lain hidupan dalam air, Ketua Pengarah boleh, dengan notis yang disampaikan kepada setiap seorang pemegang lesen itu, menghendaki setiap seorang daripada mereka memberhentikan pengeluaran, pelepasan atau peletakan itu mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) kepadanya.

Audit alam sekeliling

33A. (1) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, untuk menjalankan suatu audit alam sekeliling dan mengemukakan suatu laporan audit mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud menjalankan audit alam sekeliling dan mengemukakan laporan mengenainya—

- (a) Ketua Pengarah boleh melantik orang yang layak; atau
- (b) Ketua Pengarah boleh meminta pemunya atau penghuni untuk melantik orang yang layak daripada kalangan orang yang layak yang disenaraikan di bawah subseksyen (3).

(3) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah menyenggara suatu senarai kakitangan yang berkeelayakan yang akan menjalankan apa-apa audit alam sekeliling dan mengemukakan laporannya.

Pengecualian

34. Jika Ketua Pengarah berpuas hati atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan bahawa adalah mustahak untuk berbuat demikian bagi maksud membolehkan penyiasatan atau penyelidikan yang berkaitan dengan masalah pencemaran dijalankan tanpa menyebabkan pemohon itu boleh didakwa di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis kepada pemohon mengecualikan, kesemuanya atau setakat yang terhad, mana-mana premis atau mana-mana kelengkapan atau loji perindustrian tertakluk pada apa-apa syarat dan selama tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan

34A. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan apa-apa aktiviti yang mungkin mempunyai kesan yang bererti pada alam sekeliling sebagai aktiviti yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2A) Ketua Pengarah hendaklah menyenggara suatu senarai orang yang layak yang boleh menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan mengemukakan laporan mengenainya.

(2B) Orang yang layak yang mengemukakan laporan itu hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi penilaian kesan kepada alam sekeliling dan syor penilaian kesan kepada alam sekeliling;
- (b) memastikan bahawa laporan dan syor itu tidak mengandungi apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (c) mengambil insurans indemniti profesional bagi apa-apa liabiliti yang berbangkit daripada penilaian kesan kepada alam sekeliling dan syor penilaian kesan kepada alam sekeliling.

(2C) Laporan itu hendaklah mengikut garis panduan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah mengandungi—

- (a) penilaian mengenai kesan yang aktiviti itu akan ada atau mungkin ada ke atas alam sekeliling; dan

- (b) langkah-langkah yang dicadangkan yang hendaklah diambil untuk menghalang, mengurangkan atau mengawal kesan buruk ke atas alam sekeliling.

(3) Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan dan selepas membuat siasatan yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa laporan itu memenuhi kehendak-kehendak subseksyen (2C) dan bahawa langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekitar adalah mencukupi, dia hendaklah meluluskan laporan itu, dengan atau tanpa syarat-syarat yang dilampirkan kepadanya, dan hendaklah memberitahu sewajarnya orang yang bermaksud hendak menjalankan aktiviti yang ditetapkan itu dan pihak berkuasa meluluskan yang relevan.

(4) Jika Ketua Pengarah, apabila meneliti laporan itu dan selepas membuat apa-apa penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu, berpendapat bahawa—

- (a) laporan itu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan; atau
- (b) laporan itu tidak memenuhi kehendak di bawah subseksyen (2C),

dia tidak boleh meluluskan laporan itu, dengan memberikan alasan untuk tidak meluluskan, dan hendaklah memaklumkan orang itu dan pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan dengan sewajarnya.

(5) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan apa-apa laporan lain kepadanya, sebagai tambahan kepada laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah subseksyen 34A(2), yang berhubungan dengan kesan alam sekeliling untuk kelulusannya.

(6) Sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan sesuatu aktiviti yang ditetapkan tidak boleh menjalankan aktiviti itu sehingga laporan yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen ini kepada Ketua Pengarah telah dikemukakan dan diluluskan.

(7) Jika Ketua Pengarah meluluskan laporan itu, orang yang menjalankan aktiviti yang ditetapkan itu, dalam proses menjalankan aktiviti itu, hendaklah memberikan bukti yang cukup bahawa syarat-syarat yang dilampirkan kepada laporan itu (jika ada) sedang dipatuhi dan bahawa langkah-langkah yang dicadangkan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekeliling sedang digabungkan ke dalam reka bentuk, pembinaan dan pengendalian aktiviti yang ditetapkan itu.

(8) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit.

Perintah larangan bagi aktiviti yang ditetapkan

34AA. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah larangan atau perintah berhenti kerja kepada orang yang menjalankan aktiviti yang ditetapkan—

- (a) tanpa kelulusan di bawah subseksyen 34A(3);
- (b) yang mencabuli apa-apa syarat yang dilampirkan pada kelulusan laporan itu; atau
- (c) yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah dijalankan mengikut cara yang mungkin menyebabkan kerosakan alam sekeliling.

(2) Perintah larangan atau perintah berhenti kerja itu boleh dikeluarkan bagi maksud menghalang aktiviti yang ditetapkan daripada berterusan—

- (a) sama ada secara mutlak atau bersyarat;
- (b) bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau

- (c) sehingga kehendak untuk meremеди sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah telah dipatuhi.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perintah larangan atau perintah berhenti kerja di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit.

BAHAGIAN IVA

KAWALAN BUANGAN TERJADUAL

Larangan terhadap penempatan, peletakan, dsb. buangan terjadual

34B. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menempatkan, meletakkan atau melupuskan, atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, diletakkan atau dilupuskan, kecuali di premis yang ditetapkan sahaja, apa-apa buangan terjadual di darat atau ke dalam perairan Malaysia;
- (b) menerima atau menghantar, atau menyebabkan atau membenarkan diterima atau dihantar apa-apa buangan terjadual di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (c) mentransit atau menyebabkan atau membenarkan ditransit buangan terjadual,

tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan bertulis sama ada tertakluk pada syarat atau tak bersyarat.

(3) Bagi maksud Akta ini, apa-apa tindakan menerima atau menghantar, atau mentransit apa-apa buangan terjadual dengan kelulusan yang diperolehi melalui pemalsuan, salah nyataan atau fraud atau yang tidak mematuhi dengan cara yang material dengan dokumen yang relevan dalam borang yang ditetapkan, adalah suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

BAHAGIAN V

RAYUAN DAN LEMBAGA RAYUAN

Rayuan

35. (1) Seseorang yang terkilan dengan—

- (a) sesuatu keengganan meluluskan sesuatu lesen atau pemindahmilikan sesuatu lesen;
- (b) pengenaan apa-apa syarat, had atau sekatan ke atas lesennya;
- (c) pembatalan, penggantungan atau pengubahan lesennya;
- (d) amaun yang dikehendaki dibayar olehnya di bawah seksyen 47;
- (e) apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen 34A(3) atau (4); dan
- (f) apa-apa keputusan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai di bawah subseksyen 48A(2) atau (5),

boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam tempoh dan mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Lembaga Rayuan boleh, selepas mendengar Ketua Pengarah dan perayu-perayu itu, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut.

Lembaga Rayuan

36. (1) Bagi maksud Akta ini maka hendaklah dilantik suatu Lembaga Rayuan terdiri daripada tiga orang ahli, seorang daripadanya hendaklah menjadi Pengerusi (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut sebagai Pengerusi).

(2) Maka hendaklah juga ada seorang Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut sebagai Timbalan Pengerusi) yang hanya akan berkhidmat dalam Lembaga Rayuan jika Pengerusi tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya oleh kerana sakit, tidak ada di Persekutuan atau oleh apa-apa jua sebab yang lain; dan apabila Timbalan Pengerusi berkhidmat dalam Lembaga Rayuan di bawah hal keadaan yang tersebut di atas dia hendaklah menjalankan tugas-tugas Pengerusi.

(3) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah orang-orang yang dinamakan oleh Ketua Hakim Negara dari antara orang-orang yang telah menjadi peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi di Malaysia atau anggota perkhidmatan kehakiman dan undang-undang Persekutuan selama tempoh tujuh tahun sebelum penamaan itu dan mereka hendaklah dilantik melalui suatu pemberitahuan dalam *Warta* oleh Menteri selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan seseorang yang dilantik sedemikian adalah layak untuk dilantik semula.

(4) (a) Pengerusi boleh meminta mana-mana dua orang ahli daripada suatu panel orang-orang yang dilantik oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* untuk berkhidmat dalam Lembaga Rayuan.

(b) Perlantikan seseorang ahli, selain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, ialah selama tempoh tiga tahun melainkan jika

dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu.

(5) Menteri boleh membatalkan perlantikan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau perlantikan ahli-ahli yang lain itu tanpa memberi apa-apa sebab.

(6) Seseorang ahli Lembaga Rayuan yang ada mempunyai sesuatu kepentingan dalam apa-apa perkara yang dibentangkan di hadapan Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga Rayuan nyataan mengenai kepentingannya dan jenis kepentingannya itu, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dan ahli itu tidak boleh mengambil apa-apa bahagian dalam apa-apa pembicaraan Lembaga Rayuan berhubungan dengan perkara itu.

(7) Tiap-tiap keputusan Lembaga Rayuan hendaklah dibuat oleh Pengerusi Lembaga Rayuan selepas menimbang pendapat dua orang ahli yang lain itu tetapi dalam membuat keputusannya Pengerusi tidak terikat menurut pendapat dua orang ahli yang lain itu atau pendapat salah seorang daripada mereka dengan syarat bahawa Pengerusi hendaklah merekodkan sebab-sebabnya mengapa dia tidak bersetuju dengan pendapat itu.

(8) Sebagai tambahan kepada segala kuasa yang diberi kepada Lembaga Rayuan di bawah Akta ini, Lembaga Rayuan adalah juga mempunyai kuasa untuk mengaward kos atau membuat apa-apa perintah berkenaan dengan sesuatu rayuan di hadapannya.

(9) Kaedah-kaedah mengenai acara bagi pembicaraan rayuan di bawah Akta ini hendaklah mengikut, setakat mana yang boleh dipakai, *Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah dan Pengerusi hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai pembicaraan itu.

(10) Seseorang ahli adalah berhak kepada saraan atau elaun yang ditetapkan oleh Menteri.

*CATATAN—Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [*P.U. (A) 328/1980*] telah dimansuhkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] yang mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012—lihat Aturan 1, Kaedah 1 *P.U. (A) 205/2012*.

BAHAGIAN VA

PEMBAYARAN SES DAN KUMPULAN WANG ALAM SEKELILING

Ses penyelidikan

36A. (1) Bagi maksud menjalankan, menggalakkan atau menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya, Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan Majlis, membuat suatu perintah bagi pengenaan dan pemungutan, atau pengubahan atau pembatalan pengenaan, suatu ses ke atas buangan yang dihasilkan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh mengadakan peruntukan—

- (a) bagi kadar ses berlainan yang hendak dikenakan berkenaan dengan jenis berlainan buangan yang dihasilkan termasuklah isipadu dan komposisi buangan;
- (b) bagi cara pemungutan ses oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) bagi pengecualian mana-mana orang atau golongan orang, atau berkenaan dengan apa-apa buangan yang dihasilkan selain daripada bagi maksud penyelidikan, daripada pembayaran ses.

(3) Ses yang dipungut di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 36B.

Penubuhan Kumpulan Wang Alam Sekeliling

36B. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang hendaklah dikendalikan sebagai Akaun Amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan;
- (b) segala derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia;
- (c) segala wang yang dibayar atau diterima oleh Ketua Pengarah daripada ses yang dikenakan atau dipungut mengikut seksyen 36A; dan
- (d) segala wang yang dibayar atau diterima mengikut seksyen 36D.

Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling

36c. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kumpulan Wang Alam Sekeliling yang hendaklah mempunyai kawalan pada Kumpulan Wang itu.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua Pegawai Kanan Alam Sekeliling yang akan dilantik oleh Menteri;
- (c) dua pegawai awam yang akan dilantik oleh Menteri; dan
- (d) dua anggota Majlis yang dilantik oleh Menteri.

(3) Tiada mesyuarat Jawatankuasa boleh diadakan semasa ketiadaan Ketua Pengarah.

(4) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa hendaklah tiga orang.

(5) Tertakluk pada Akta ini, Jawatankuasa boleh menentukan prosidingnya sendiri.

Caruman ke dalam Kumpulan Wang

36D. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam—

- (a) penerokaan, pengeluaran, penapisan, penghasilan, pergerakan pukal, pengagihan atau penstoran minyak atau gas;
- (b) penghasilan, pergerakan pukal, pengagihan atau penstoran, benda berbahaya kepada alam sekeliling; atau
- (c) pergerakan pukal atau penstoran, buangan,

mencarum ke dalam Kumpulan Wang pada kadar yang dinyatakannya.

Pemakaian Kumpulan Wang

36E. Kumpulan Wang itu hendaklah ditadbirkan bagi maksud—

- (a) menjalankan, menggalakkan dan menyelaraskan penyelidikan kajian, audit alam sekeliling atau apa-apa aktiviti sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya;
- (b) memulihkan buangan, atau menghilangkan, menyuraikan, memusnahkan, membersihkan, melupuskan atau mengurangkan pencemaran;
- (c) mencegah atau memerangi kejadian yang berikut:
 - (i) tumpahan, pelepasan atau lambakan, minyak;
 - (ii) pelepasan, peletakan atau lambakan, benda berbahaya kepada alam sekeliling; atau
 - (iii) pelepasan, peletakan atau lambakan, buangan; dan

- (d) menggalakkan langkah-langkah pemuliharaan terhadap apa-apa kerosakan yang mungkin disebabkan oleh mana-mana kejadian yang dinyatakan di bawah subperenggan (i), (ii) atau (iii) perenggan (c).

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Pemunya atau penduduk hendaklah memberi maklumat

37. (1) Ketua Pengarah boleh melalui notis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara untuk memberikan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat berhubung dengan—

- (a) pemunyaan kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;
- (b) penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling, atau apa-apa proses, kelengkapan, kelengkapan kawalan atau loji perindustrian yang terdapat pada kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;
- (c) apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dilepaskan atau berkemungkinan dilepaskan daripadanya; atau
- (d) apa-apa risiko alam sekeliling yang berkemungkinan berlaku akibat daripada penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling atau proses.

(2) Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk menjawab apa-apa soalan atau memberi apa-apa maklumat, gagal menjawab soalan itu atau gagal memberi maklumat itu sebagaimana yang dikehendaki atau memberi apa-apa jawapan atau maklumat palsu atau mengelirukan tentang apa-apa perkara matan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila

disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa penyiabatan

37A. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiabatan di bawah Akta ini.

(2) Dalam mana-mana hal yang berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang menjalankan penyiabatan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa berhubung dengan penyiabatan polis dalam kes boleh tangkap yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Kad kuasa

37B. (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Menteri.

(2) Bila mana Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah menjalankan mana-mana kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa penangkapan

37C. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah

melakukan atau cuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

Kuasa untuk menahan, menaiki, menggeledah, dsb.

38. (1) Jika Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan itu, tanpa waran, menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat udara, atau memasuki mana-mana premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, dan boleh—

- (a) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian;
- (b) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buku, rekod, lesen, permit, perakuan atau dokumen berhubungan dengan—
 - (i) pelaksanaan atau penggunaan kelengkapan atau loji perindustrian itu;
 - (ii) benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan; atau

- (iii) apa-apa hal yang dikehendaki di bawa atas kenderaan, kapal atau pesawat udara di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (c) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling dan mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pembawa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling;
- (d) membuat pertanyaan dan pemeriksaan fizikal atas kapal, kelengkapan, peralatan, stor dan kargo sebagaimana yang perlu;
- (e) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku, rekod atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;
- (f) menyiasat, memeriksa atau mengambil sampel mana-mana benda, bahan atau hal yang digunakan, berkemungkinan digunakan atau biasanya digunakan dalam mana-mana tred, industri atau proses yang dijalankan dalam atau di atas kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu; atau
- (g) mengambil sampel mana-mana benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan, atau berkemungkinan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu.

Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes

38A. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis olehnya dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan itu.

(4) Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis olehnya, dalam memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, bila masa mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengecapkan cap ibu jarinya pada pernyataan itu, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis olehnya hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya fakta keengganan itu dan sebabnya, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan

38AA. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis

oleh Ketua Pengarah semasa penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu kawad cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes

38AB. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang sedemikian enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

Penyampaian notis

39. (1) Tiap-tiap notis, perintah, saman atau surat yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya supaya disampaikan kepada seseorang boleh disampaikan—

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya kepada seseorang ahli atau penjawat keluarganya yang dewasa;
- (b) dengan meninggalkannya di tempat tinggal atau tempat urusan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantarnya melalui pos berdaftar dalam sampul yang telah dijelaskan bayaran dan dialamatkan kepada orang itu di tempat tinggal atau tempat urusan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui.

(2) Sesuatu notis, perintah, saman atau surat yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya supaya disampaikan kepada pemunya atau penduduk mana-mana premis hendaklah disifatkan sebagai dialamatkan dengan sepatutnya jika dialamatkan mengikut perihal “pemunya” atau “penduduk” premis itu tanpa nama atau perihal tambahan.

(3) Sesuatu notis, perintah, saman atau surat yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat

di bawahnya supaya disampaikan kepada pemunya atau penduduk mana-mana premis boleh disampaikan dengan menyerahkannya atau suatu salinannya yang benar kepada seseorang yang dewasa di premis itu atau, jika tidak ada seseorang seperti itu di premis itu yang kepadanya yang demikian boleh dengan usaha yang munasabah diserahkan, dengan menampalkan notis, perintah, saman atau surat itu di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Keterangan

40. (1) Kandungan sesuatu surat yang disedia, dikeluarkan atau disampaikan di bawah, menurut, atau bagi maksud-maksud Akta ini hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya dan pengemukaan apa-apa buku yang berupa sebagai menunjukkan lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah menjadi bukti *prima facie* mengenai pengeluaran, tidak adanya pengeluaran atau tarikh tamatnya tempoh lesen-lesen itu.

(2) Walau apa pun undang-undang lain yang berlawanan, dalam sesuatu pembicaraan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya sesuatu perakuan bagi maksud menentukan penduduk mana-mana premis atau mana-mana premis ditetapkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pemungut Hasil Tanah* adalah menjadi keterangan mengenai apa-apa nyataan yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Jika dalam sesuatu pembicaraan atas kesalahan-kesalahan terhadap Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya adalah perlu dibuktikan bahawa seseorang adalah dilesen atau tidak dilesen pada sesuatu tarikh tertentu atau selama sesuatu tempoh tertentu atau bahawa sesuatu lesen adalah tertakluk pada sesuatu syarat, had atau sekatan yang ditentukan atau bahawa sesuatu lesen telah digantung dalam masa sesuatu tempoh tertentu, maka suatu perakuan bertulis yang berupa sebagai ditandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan bahawa orang itu adalah dilesen atau tidak dilesen pada tarikh itu atau menyatakan sesuatu syarat, had atau sekatan yang kepadanya sesuatu lesen yang dikeluarkan kepada orang

*Dalam hal Malaysia Barat, ia hendaklah ditafsirkan sebagai Pentadbir Tanah Daerah. Lihat Akta A587.

itu adalah tertakluk atau selama atau dalam masa tempoh itu atau bahawa lesen orang itu telah digantung dalam masa tempoh itu adalah menjadi keterangan *prima facie* mengenai nyataan yang dinyatakan di dalamnya dan Ketua Pengarah tidak boleh diperiksa balas mengenai kandungan perakuan itu melainkan jika suatu notis telah disampaikan kepadanya sepuluh hari terlebih dahulu menyatakan cadangan hendak berbuat demikian itu dan selanjutnya menyatakan butir-butir yang dicadang hendak dicabar itu.

Penalti yang tidak diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan

41. Tiap-tiap ketinggalan atau kecuaiian daripada mematuhi, dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau dicuba hendak dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa pelanggaran terhadap syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakluk padanya, atau yang atasnya, sesuatu lesen adalah dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini dan berkenaan dengan mana-mana kesalahan itu yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata, pesalah itu boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Percubaan dan persubahatan

42. Barang siapa mencuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau bersubahat melakukan kesalahan itu hendaklah dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Kesalahan-kesalahan oleh kumpulan-kumpulan orang dan oleh penjawat-penjawat dan ejen-ejen

43. (1) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh sesuatu syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain, seseorang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pengurus atau lain-lain pegawai yang seumpamanya atau seseorang kongsi bagi syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain itu atau yang berupa sebagai bertugas dalam jawatan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang patut dijalankan olehnya memandang kepada jenis tugas-tugasnya dalam jawatan itu dan kepada segala hal keadaan bagi mencegah berlakunya kesalahan itu.

(2) Apabila jua dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh seseorang kerani, penjawat atau ejen apabila bertindak dalam masa menjalankan pekerjaannya, maka prinsipalnya hendaklah juga bertanggung atas pelanggaran itu dan boleh dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi pelanggaran itu melainkan jika dia membuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa pelanggaran itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau persetujuannya atau bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelanggaran itu dan untuk memastikan pematuhan peruntukan-peruntukan itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai mengecualikan kerani, penjawat atau ejen itu daripada tanggungan mengenai penalti yang diperuntukkan oleh Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bagi apa-apa pelanggaran yang dibuktikan sebagai telah dilakukan olehnya.

Pendakwaan

44. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Mengkompaun kesalahan-kesalahan

45. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana Timbalan Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai awam, mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana perbadanan yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasa itu secara bertulis, boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan oleh Menteri sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu, suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(2) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan cara dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan itu.

Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa

46. Walau apa pun undang-undang bertulis yang berlawanan, sesuatu Mahkamah Sesyen adalah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dan untuk mengaward hukuman yang sepenuhnya bagi sesuatu kesalahan itu.

Kuasa menyita kenderaan atau kapal

46A. Mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pengangkutan atau pelupusan buangan yang berlanggaran dengan

Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah disita oleh Ketua Pengarah sementara menanti selesainya prosiding di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh melepaskan kenderaan atau kapal yang disita sedemikian itu apabila diberikan suatu bon atau sekuriti lain yang mencukupi untuk meliputi nilai kenderaan atau kapal itu.

Pelucuthakan kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita

46B. (1) Mana-mana kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disita di bawah Akta ini, kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu hendaklah diambil dan

disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis.

(4) Notis yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah menunjukkan bahawa—

- (a) tiada pendakwaan berkenaan dengan kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau apa-apa dokumen lain itu;
- (b) kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu, hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis itu melainkan jika sebelum tarikh itu suatu tuntutan baginya telah dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (5), (6) dan (7).

(5) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang dalam milikannya kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu dipegang bahawa dia menuntut kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada

alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu.

(6) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah merujukkan tuntutan itu kepada Hakim Mahkamah Sesyen.

(7) Hakim Mahkamah Sesyen yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (6) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu dan orang yang daripadanya ia disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau tidak hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(8) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disebut dalam subseksyen (7) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Hakim Mahkamah Sesyen itu hendaklah memerintahkan supaya kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(9) Mana-mana kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dilupuskan—

(a) mengikut arahan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen; atau

- (b) mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah.

Senarai kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita

46BA. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, seseorang Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan senarai kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disita dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada orang yang mengawal atau bertanggungjawab bagi kenderaan, kapal, kapal terbang atau premis itu jika penyitaan dibuat di bawah seksyen 38 atau 46A, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pelepasan buku, rekod, komputer, dsb., yang disita

46BB. (1) Jika mana-mana buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau apa-apa dokumen lain telah disita di bawah Akta ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang membuat penyitaan itu boleh, selepas merujuk kepada Pendakwa Raya, melepaskan buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya ia disita.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis

oleh Ketua Pengarah yang membuat pelepasan buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantarkan satu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam masa tujuh hari dari pelepasan itu.

Kos memegang kenderaan, kapal, buku, dsb., yang disita

46BC. Jika mana-mana kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang disabitkan atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

46C. (*Dipotong oleh Akta A1441*).

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

46D. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana kenderaan, kapal, buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai perjalanan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta

46E. Setelah seseorang telah disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, mahkamah, sebagai tambahan kepada mengenakan penalti bagi kesalahan itu, boleh, jika mahkamah mendapati bahawa mana-mana orang lain telah, dengan sebab perlakuan, atau peninggalan yang telah mengakibatkan kesalahan itu, mengalami kerugian atau kerosakan kepada harta, memerintahkan orang yang disabitkan sedemikian untuk membayar kepada orang yang satu lagi itu kos dan perbelanjaan yang dilakukan atau pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta dan apa-apa kos lain, dalam amaun yang mahkamah fikirkan patut.

Kuasa bagi menuntut kos dan perbelanjaan

47. (1) Jika sesuatu segmen atau unsur alam sekeliling dicemari oleh seseorang bersalahan dengan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Ketua Pengarah boleh mengambil apa-apa tindakan yang perlu bagi menghapus, menyurui, membinasa atau mengurangkan pencemaran itu dan boleh menuntut daripada orang itu segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan berhubungannya.

(2) Sesuatu perakuan daripada Ketua Pengarah menyatakan bahawa—

- (a) dia berpendapat bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan itu adalah bertanggungjawab atau pencemaran itu adalah menjadi keterangan *prima facie* bagi maksud apa-apa pembicaraan di bawah seksyen ini;
- (b) jumlah wang yang dilakukan bagi menjalankan segala atau mana-mana daripada kerja yang diperlukan di bawah subseksyen (1) adalah menjadi bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar dan tidak boleh tertakluk pada apa-apa rayuan atau ulang kaji dalam mana-mana mahkamah.

(3) Semua dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh orang itu hendaklah menjadi suatu pertanggungan yang pertama ke atas apa-apa harta atau kepentingan yang dipegang oleh orang itu.

(4) Bagi maksud seksyen 27 dan 29, jika perlepasan atau pertumpahan minyak, campuran mengandungi minyak atau buangan-buangan adalah dari—

- (a) mana-mana kapal atau dua kapal atau lebih, maka pemunya kapal itu adalah bertanggung atau pemunya-pemunya semua kapal yang berkenaan itu adalah bertanggung bersesama dan masing-masing;
- (b) apa-apa perkakas yang digunakan bagi memindahkan minyak, campuran mengandungi minyak atau buangan ke mana-mana kapal daripada sesuatu tempat di darat, maka orang yang menjaga perkakas itu dan majikan orang itu adalah bertanggung bersesama dan masing-masing;
- (c) sesuatu tempat di darat, maka penduduknya adalah bertanggung.

Kuasa untuk menahan dan menjual kenderaan atau kapal

48. (1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa pelepasan atau tumpahan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual adalah daripada mana-mana kenderaan atau kapal, dia boleh menahan kenderaan atau kapal itu dan kenderaan atau kapal itu boleh ditahan sehingga pemunya mendeposit dengan Kerajaan sejumlah wang atau mengemukakan apa-apa sekuriti yang, pada pandangan Ketua Pengarah, adalah cukup untuk memenuhi kos dan perbelanjaan yang akan dilakukan untuk menghilangkan atau menghapuskan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu.

(2) Pemunya atau nakhodanya, atau mana-mana orang yang menyebabkan kenderaan atau kapal yang ditahan itu terus bergerak sebelum ia dilepaskan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada

lima puluh ribu ringgit dan tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika pemunya kenderaan atau kapal itu tidak berupaya membayar kos dan perbelanjaan yang dilakukan dalam menghilangkan atau menghapuskan minyak itu atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu, Ketua Pengarah boleh memohon kepada mahkamah bagi penjualan kenderaan atau kapal itu dan menggunakan hasil jualan itu untuk membayar kos dan perbelanjaan bagi menghilangkan atau menghapuskan minyak atau campuran yang mengandungi minyak atau buangan terjadual itu.

Kuasa menguji dan melarang penggunaan kenderaan

48A. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurna olehnya boleh memasuki dan memeriksa mana-mana kenderaan yang sedang digunakan dan bagi maksud itu boleh menghendaki mana-mana kenderaan diberhentikan, dan boleh menahan mana-mana kenderaan selama masa yang diperlukan bagi pemeriksaan itu, dan boleh menghendaki pemandu kenderaan itu memandu kenderaan itu ke suatu tempat lain bagi maksud pemeriksaan itu dan boleh menjalankan, atas perbelanjaan pemunya, semua ujian dan pemeriksaan yang difikirkannya patut atau perlu bagi memuaskan hatinya bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dipatuhi berkenaan dengan kenderaan itu:

Dengan syarat bahawa tiada suatu kenderaan pun boleh ditahan di bawah seksyen ini selama lebih daripada empat puluh lapan jam atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Jika, dalam pemeriksaan itu, kelihatan kepada Ketua Pengarah atau pegawai itu bahawa, disebabkan oleh apa-apa kecacatan di dalamnya, kenderaan itu adalah atau mungkin akan melanggar Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia boleh melarang penggunaan kenderaan itu:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat Ketua Pengarah atau pegawai itu kecacatan itu boleh diperbaiki dalam tempoh yang tidak melebihi sepuluh hari, larangan itu tidak boleh berkuat kuasa sebelum habis tempoh itu.

(3) Jika, di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah atau pegawai itu melarang penggunaan sesuatu kenderaan, dia hendaklah dengan serta-merta memberikan notis larangan itu secara bertulis kepada pemunya berdaftar kenderaan itu atau orang yang bertanggungjawab atas kenderaan itu.

(4) Dalam hal larangan yang disebabkan oleh kecacatan yang dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen (2), notis yang diberikan di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan tempoh masa kecacatan itu boleh pada pendapat pegawai itu diperbaiki dan boleh menghendaki pemunya berdaftar kenderaan itu atau orang yang bertanggungjawab atas kenderaan itu mengemukakan kenderaan itu untuk diperiksa oleh pegawai itu pada masa dan di tempat yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Sesuatu perintah larangan yang dibuat di bawah subseksyen (2) yang telah berkuat kuasa boleh dibatalkan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis dengan sempurna oleh Ketua Pengarah jika dia berpuas hati bahawa kenderaan itu layak digunakan.

(6) Jika Ketua Pengarah atau seseorang pegawai menarik balik atau membatalkan sesuatu larangan dia hendaklah memberikan notis mengenai penarikan balik atau pembatalan itu kepada pemunya berdaftar kenderaan itu.

(7) Ketua Pengarah atau pegawai itu boleh melalui notis secara bertulis menghendaki pemunya berdaftar kenderaan itu mengemukakan apa-apa dokumen berhubungan dengan kenderaan itu untuk diperiksa olehnya, pada masa dan di tempat yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(8) Jika mana-mana orang tidak mematuhi seksyen ini, atau menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu kenderaan pada bila-bila masa suatu perintah larangan di bawah subseksyen (2) sedang

berkuat kuasa berhubungan dengan kenderaan itu, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Akses kepada data berkomputer

48AA. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami.

Anggapan

48AB. (1) Jika apa-apa bahan yang disyaki sebagai buangan terjadual dan bahan itu terkandung dalam beberapa bekas, adalah mencukupi untuk menganalisis sampel bahan itu bagi amaun sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan jika analisis itu membuktikan bahawa kesemua sampel itu daripada sifat dan perihalan yang sama, adalah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa kandungan semua bekas itu adalah daripada sifat dan perihalan yang sama sebagaimana sampel itu dianalisis.

(2) Bahan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai buangan terjadual dan hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Tatacara mengambil dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

Kuasa tambahan

48AC. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa buku, rekod, komputer, loji perindustrian, kelengkapan, buangan terjadual, buangan, bahan berbahaya kepada alam sekeliling, bahan cemar, lesen, permit, perakuan, atau dokumen lain yang disimpan oleh mana-mana orang dan untuk meneliti, memeriksa, memuat turun, membuat salinan atau mengambil cabutan daripadanya;
- (b) untuk menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan apa-apa perbuatan atau kesalahan di bawah Akta ini;
- (c) untuk membuat apa-apa siasatan yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

Menghalang pengeledahan

48AD. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan memberikan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah akses kepada mana-mana kenderaan, kapal, kapal terbang atau premis yang Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah berhak untuk mempunyai di bawah Akta ini atau dalam pelaksanaan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;

- (b) mengamang, menghalang, menyekat atau mengganggu Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah dalam pelaksanaan kuasanya di bawah Akta ini; atau
- (c) enggan memberikan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah apa-apa maklumat yang berhubung dengan kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau apa-apa maklumat lain yang boleh semunasabahnya dikehendaki olehnya dan yang ada dalam pengetahuannya atau kuasa untuk memberikannya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pencantuman kesalahan

48AE. Walau apa pun seksyen 164 Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang dituduh melakukan lebih daripada satu kesalahan di bawah Akta ini, orang itu boleh dipertuduh dan dibicarakan dalam satu perbicaraan atas apa-apa bilangan kesalahan itu yang dilakukan dalam apa-apa tempoh masa.

Bantuan

48B. Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya boleh menghendaki mana-mana orang memberikan bantuan seandainya terjadi pencemaran, atau ancaman pencemaran yang mungkin berlaku pada bila-bila masa, kepada alam sekeliling.

Pewakilan

49. (1) Ketua Pengarah boleh dengan perintah mewakilkan mana-mana daripada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen, penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Akta ini kepada mana-mana pegawai awam, mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan, apa-apa perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang dilantik olehnya.

(2) Jika Ketua Pengarah telah mewakilkan apa-apa kuasa kepada mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan, kepada mana-mana perbadanan atau mana-mana jawatankuasa, maka mana-mana pegawai bagi Jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau perbadanan itu atau mana-mana ahli jawatankuasa itu boleh menjalankan mana-mana daripada kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah itu jika sekiranya dia telah menjalankan kuasa itu sendiri.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan Ketua Pengarah daripada apa-apa tanggungjawab bagi melindungi alam sekeliling dan daripada mentadbirkan Akta ini.

(4) Sesuatu pewakilan boleh dibatalkan atau diubah pada bila-bila masa oleh Ketua Pengarah.

Orang yang berwibawa

49A. (1) Seseorang pemunya atau penghuni premis hendaklah mengambil kerja seseorang yang telah diperakukan oleh Ketua Pengarah sebagai orang yang berwibawa untuk menjalankan semua atau mana-mana aktiviti yang berikut:

- (a) pengendalian kelengkapan kawalan;
- (b) pengurusan buangan terjadual;
- (c) menjalankan kajian;

- (d) penyediaan dan pengemukaan laporan, pelan, cadangan, lukisan kejuruteraan atau dokumen lain yang berhubungan dengan perkara alam sekeliling.

(2) Laporan, pelan, cadangan, lukisan kejuruteraan atau dokumen lain yang berhubungan dengan perkara alam sekeliling yang disebut dalam perenggan (1)(d) hendaklah disediakan dan dikemukakan oleh orang yang berwibawa kepada Ketua Pengarah.

Ganjaran kepada pemberi maklumat

49B. Ketua Pengarah boleh memerintahkan supaya ganjaran sebagaimana yang difikirkannya patut dibayar kepada pemberi maklumat bagi perkhidmatan, maklumat, pernyataan atau bantuan berkenaan dengan pengesanan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Perahsiaan

50. Seseorang yang menzahirkan apa-apa maklumat yang didapati olehnya berkenaan dengan pentadbiran atau pelaksanaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berhubungan dengan apa-apa proses pengilangan atau rahsia tred yang digunakan pada menjalankan sesuatu tred, perindustrian atau proses tertentu, melainkan jika penzahiran itu telah dibuat bagi maksud-maksud Akta ini atau maksud-maksud sesuatu pembicaraan jenayah di bawah Akta ini atau dengan persetujuan orang yang menjalankan tred, perindustrian atau proses itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat

50A. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah menurut Akta ini boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat

atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika mana-mana buku, rekod, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa entri yang menamakan atau memerihalkan mana-mana pemberi maklumat atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua entri sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam sesuatu perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini mahkamah, selepas siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah boleh menghendaki pengemukakan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

(4) Mana-mana orang yang memberikan maklumat yang disebut dalam seksyen ini mengetahui bahawa maklumat itu adalah palsu, melakukan suatu kesalahan.

Peraturan-peraturan

51. (1) Sebagai tambahan kepada dan bukan sebagai mengurangkan kuasa-kuasa yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri boleh, selepas berunding dengan Majlis, membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan—

- (a) menetapkan bayaran bagi memeriksa pelan-pelan, penentuan-penentuan dan maklumat berhubungan dengan pemasangan-pemasangan atau dengan pemasangan-pemasangan

yang dicadangkan iaitu perkara bagi permohonan-permohonan untuk lesen-lesen atau untuk kelulusan dalam apa-apa bentuk lain yang diberikan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (b) menetapkan standard-standard atau kriteria bagi melaksanakan apa-apa dasar atau pengkelasan yang diisytiharkan mengenai alam sekeliling bagi perlindungan alam sekeliling dan bagi melindungi kegunaan-kegunaan berfaedah;
- (c) menetapkan standard-standard atau kriteria bagi menentukan bilakah sesuatu bahan, perbuatan atau benda itu meracun, merosakkan, mencela, memudaratkan kesihatan, atau berada dalam apa-apa perihal lain yang tersebut dalam Akta ini;
- (d) melarang pelepasan, pengeluaran atau peletakan ke dalam alam sekeliling apa-apa bahan, sama ada cecair, pepejal atau gas dan melarang atau mengawal penggunaan sesuatu bahan api yang tertentu;
- (e) menetapkan standard-standard kualiti udara sekeliling dan standard-standard pengeluaran dan menentukan kepadatan maksimum yang dibenarkan bagi apa-apa bahan yang boleh berada dalam atau dilepaskan ke dalam udara;
- (ee) menetapkan standard kualiti air sekeliling dan standard pelepasan dan menyatakan beban maksimum yang dibenarkan yang boleh dilepaskan oleh mana-mana punca ke dalam perairan daratan, dengan merujuk secara amnya atau khususnya kepada kumpulan air yang berkenaan;
- (f) melarang penggunaan apa-apa kelengkapan, kemudahan, kenderaan, atau kapal yang boleh menyebabkan pencemaran atau mengawal pembinaan, pemasangan atau pengendaliannya untuk mencegah atau mengurangkan pencemaran hingga takat yang paling sedikit;

- (g) menghendaki supaya amaran atau kewaspadaan mengenai pencemaran diberi;
- (h) melarang atau mengawal pembakaran terbuka sampah sarap atau apa-apa bahan lain yang mudah terbakar;
- (i) mengawal pengadaaan tempat-tempat untuk melupuskan buangan-buangan pepejal atau cecair di atas atau di dalam tanah;
- (j) mentakrifkan bunyi bising yang mencela dan menetapkan standard-standard bagi bunyi bising yang boleh dibenarkan;
- (k) melarang atau mengawal mandi, berenang, bersampan atau lain-lain aktiviti dalam air di dalam atau di sekeliling mana-mana perairan, yang mudarat kepada kesihatan atau kebajikan atau bagi mencegah pencemaran;
- (l) apa-apa bahan atau benda yang diberi kuasa atau dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan atau yang perlu atau mustahak ditetapkan bagi menguatkuasakan Akta ini;
- (m) *(Dipotong oleh Akta A636);*
- (n) *(Dipotong oleh Akta A636);*
- (o) *(Dipotong oleh Akta A636);*
- (p) menghendaki sesiapa yang mengendalikan, menyimpan atau menggunakan minyak atau campuran mengandungi minyak supaya melaporkan pelepasan dan pertumpahan minyak atau campuran mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia;
- (q) menghendaki sesiapa yang mengendalikan, menyimpan atau menggunakan minyak atau campuran mengandungi minyak supaya menyimpan apa-apa benda atau bahan dan kelengkapan yang perlu untuk mencegah atau menghapuskan pencemaran minyak di perairan Malaysia

yang mungkin berlaku dalam masa menjalankan urusannya;

- (r) *(Dipotong oleh Akta A636)*;
- (s) *(Dipotong oleh Akta A636)*;
- (t) mengawal audit alam sekeliling dan pengemukaan suatu laporan audit dan pelantikan orang yang layak untuk membantu Ketua Pengarah dalam menjalankan audit alam sekeliling bagi mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, dan cara pengendaliannya, dan menetapkan bayaran yang boleh dikenakan;
- (tt) mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan penilaian kesan kepada alam sekeliling;
- (u) melarang atau mengawal pengilangan, penstoran, pengangkutan atau pemakaian, atau penggunaan, pengeluaran, pelepasan, atau peletakan ke dalam alam sekeliling, apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling;
- (v) mengawal langkah-langkah untuk menilai, mengawal, mengurangkan atau menghapuskan risiko alam sekeliling;
- (w) mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan orang yang berwibawa;
- (x) mengawal selia kecekapan penyedia latihan yang menyediakan latihan dalam bidang alam sekeliling;
- (y) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Mana-mana peraturan itu boleh dibuat secara am atau terhad tentang kuat kuasanya mengenai masa, tempat, orang-orang, atau hal keadaan sama ada mana-mana masa, tempat, orang atau hal keadaan

itu ditentukan atau dipastikan sebelum, pada atau selepas peraturan-peraturan itu dibuat.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan.

*CATATAN—lihat seksyen 30 Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 [Akta A1712] m.b.p. 7 Julai 2024 yang memberikan peruntukan kecualian seperti yang berikut:

“Kecualian

30. (1) Apa-apa tindakan, penyiasatan atau prosiding yang dimulakan atau yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa obligasi, liabiliti, hilang kelayakan, penalti atau hukuman yang terakru atau dikenakan di bawah Akta ibu, boleh diteruskan, dikuatkuasakan, dikenakan dan diuruskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Apa-apa kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah, garis panduan atau arahan yang dibuat atau yang diberikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Akta ibu, sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat atau diberikan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa berhubung dengan orang yang perkara itu terpakai baginya sehingga dibatalkan.”.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 127

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang (Ringgit) Malaysia 1975	29-08-1975
P.U. (A) 357/80	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980	01-06-1981
Akta A636	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985	10-01-1986
Akta A885	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994	24-06-1994
Akta A953	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996	01-08-1996
Akta A1030	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998	21-08-2000
Akta A1102	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001	19-07-2001 kecuali s. 2: 28-06-2001
Akta A1315	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	30-08-2007
Akta A1441	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012	02-01-2013
Akta A1712	Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024	07-07-2024

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 127

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A636 Akta A953 Akta A1102 Akta A1441 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 28-06-2001 02-01-2013 07-07-2024
3	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
4	Akta A636 Akta A953 Akta A1441	10-01-1986 01-08-1996 02-01-2013
7	Akta A636 Akta A953	10-01-1986 01-08-1996
11	Akta A636	10-01-1986
13	Akta A636	10-01-1986
16	Akta A636 Akta A953 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 07-07-2024
18	Akta A636 Akta A953 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 07-07-2024
19	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
21	Akta A953 Akta A1102	01-08-1996 19-07-2001

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
22	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
23	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
24	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
25	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
26	Akta A636	10-01-1986
27	Akta A636 Akta A953 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 07-07-2024
28	Akta A636	10-01-1986
29	Akta A636 Akta A953 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 07-07-2024
29A	Akta A1030 Akta A1102 Akta A1712	21-08-2000 19-07-2001 07-07-2024
29AA	Akta A1102 Akta A1712	19-07-2001 07-07-2024
29B	Akta A1030	21-08-2000
29C	Akta A1030	21-08-2000
30A	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
30B	Akta A953	01-08-1996
31	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
31A	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
32	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
33	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
33A	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
34A	Akta A636 Akta A953 Akta A1441 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 02-01-2013 07-07-2024
34AA	Akta A1441 Akta A1712	02-01-2013 07-07-2024
34B	Akta A953 Akta A1315 Akta A1712	01-08-1996 30-08-2007 07-07-2024
35	Akta A636	10-01-1986
36	Akta A953	01-08-1996
36A	Akta A953	01-08-1996
36B	Akta A953	01-08-1996
36C	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
36D	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
36E	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
37	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
37A	Akta A1441	02-01-2013

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
37B	Akta A1441	02-01-2013
37C	Akta A1441	02-01-2013
38	Akta A953	01-08-1996
38A	Akta A953	01-08-1996
38AA	Akta A1441	02-01-2013
38AB	Akta A1441	02-01-2013
41	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
43	Akta A1315	30-08-2007
44	Akta A1030	21-08-2000
45	Akta A636 Akta A953 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 07-07-2024
46A	Akta A953	01-08-1996
46B	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
46BA	Akta A1441	02-01-2013
46BB	Akta A1441	02-01-2013
46BC	Akta A1441	02-01-2013
46C	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
46D	Akta A953 Akta A1441	01-08-1996 02-01-2013
46E	Akta A953	01-08-1996
47	Akta A636	10-01-1986

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
48	Akta A953 Akta A1712	01-08-1996 07-07-2024
48A	Akta A636 Akta A1712	10-01-1986 07-07-2024
48AA	Akta A1441	02-01-2013
48AB	Akta A1441	02-01-2013
48AC	Akta A1441	02-01-2013
48AD	Akta A1441 Akta A1712	02-01-2013 07-07-2024
48AE	Akta A1441	02-01-2013
48B	Akta A636	10-01-1986
49	Akta A1441	02-01-2013
49A	Akta A1441	02-01-2013
49B	Akta A1441	02-01-2013
50	Akta A953	01-08-1996
50A	Akta A1441	02-01-2013
51	Akta A636 Akta A953 Akta A1441 Akta A1712	10-01-1986 01-08-1996 02-01-2013 07-07-2024
Keseluruhan Akta	Akta 160 Akta A1441	29-08-1975 02-01-2013
